

SEMPENA PROGRAM ADVOKASI ILMUWAN MPN DI UPM HARI INI

TINGKATKAN SEKURITI MAKANAN



KENAPA tajuk ini dipilih? AINI: Tajuk dipilih kerana di Malaysia banyak dasar diperkenalkan tetapi sekuriti makanan negara masih belum terjamin. Konteks "Sampai bila?" ini adalah tanda tanya ringkas namun mendalam ertinya.

Ini diungkapkan untuk mencerminkan tanda tanya yang bermain di minda umum, sampai bila isu sekuriti makanan negara perlu dibahas, dan kebergantungan kepada pihak luar?

Hakikatnya, kita masih mencari jawapan untuk memastikan negara mempunyai tahap sekuriti makanan yang jitu.

Boleh jelaskan tentang definisi sekuriti makanan dan Dasar Sekuriti Makanan Negara?

Menurut *United Nations Committee on World Food Security*, terdapat tiga tunggak utama yang menjadi peneraju kepada sekuriti makanan iaitu ketersediaan, kestabilan dan akses.

Sekuriti makanan pula boleh ditafsirkan sebagai satu situasi apabila setiap individu memiliki akses ekonomi dan fizikal ke atas makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat yang memenuhi keperluan dan citarasa pemakanan untuk hidup yang aktif dan sihat sepanjang masa.

Dalam konteks Malaysia, komoditi makanan yang menjadi keutamaan adalah beras, da-

MUKADIMAH PROGRAM Advokasi Ilmuwan Majlis Profesor Negara (MPN) bersama *Utusan Malaysia* dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini bertujuan mengupas kenapa Malaysia masih banyak mengimport bahan makanan.

Dalam wawancara dengan *Utusan Malaysia* baru-baru ini, Naib Canselor UPM, **PROF. DATIN PADUKA DR. AINI IDERIS** menjelaskan perlunya tumpuan diberikan bagi meningkatkan pengeluaran dan produktiviti bahan makanan.



ging ayam dan telur, dan daging lembu. Ketika ini, tahap sara diri (SSL) untuk beras diunjurkan sekitar 72 peratus dan Malaysia telah mengimport bekalan beras sebanyak 863,358 tan metrik pada 2014 untuk menampung permintaan pasaran tempatan.

Penghasilan daging ayam dan telur pula dapat memenuhi permintaan pasaran tempatan dengan jumlah SSL yang telah melangkaui 100 peratus. Namun, makanan untuk ternakan ayam seperti jagung masih lagi diimport.

Untuk daging lembu pula, jumlah SSL adalah masih rendah dan berada pada paras 28 peratus sahaja. Bagi memenuhi permintaan dalam pasafatan, daging lembu diimport dari Australia dan beberapa negara lain.

Jika dilihat daripada aspek lebihan perdagangan, Malaysia mencatatkan nilai defisit yang tinggi disebabkan import untuk bekalan makanan ternakan, gula, sediaan gula dan madu, daging dan sediaan daging, dan sayur-sayuran.

Malaysia pernah mengalami krisis kekurangan makanan pada 2008. Apakah jaminan situasi itu tidak berulang lagi?

Sekuriti makanan akan wujud

bila semua penduduk pada setiap masa boleh mendapati secara fizikal, sosial dan ekonomik makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat yang memenuhi kehendak diet dan keutamaan makanan untuk kehidupan yang aktif dan sihat.

Malaysia belum mencapai sekuriti makanan yang diperlukan negara dan bergantung kepada import. Dalam pengeluaran bahan makanan kita masih lagi belum dapat memenuhi kehendak rakyat.

Kadar defisit perdagangan agromakanan negara meningkat mendadak dari RM11 bilion pada 2009 kepada 17 bilion pada 2014.

Jurang import dan eksport terlalu besar dengan nilai masing-masing RM42.6 bilion dan RM25.6 bilion. Situasi ini amat membimbangkan kerana menunjukkan bekalan makanan kita terdedah kepada risiko naik turun mata wang.

Lebih kritikal lagi, situasi ini menyebabkan aliran keluar mata wang yang akan menekan nilai ringgit seterusnya menjejaskan kekayaan rakyat dan negara.

Kebergantungan kepada import akan menyebabkan daya saing terjejas kerana produk import yang lebih murah menyebabkan produk tempatan sukar bersaing. Ini men-

gurkan motivasi untuk mengeluar sendiri makanan seterusnya menjejaskan ekonomi dan sosial komuniti pertanian tempatan.

Dari segi kedapatan makanan pula, masih lagi ada tompok kemiskinan yang sukar mendapat makanan disebabkan masalah logistik dan kemampuan rakyat yang masih lagi berada dalam kemiskinan.

Adakah Dasar Agro Makanan Negara (2011-2020) dan Dasar Pertanian Negara dapat membantu memperkasakan soal sekuriti makanan?

Melalui dua dasar ini, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menjamin sekuriti makanan melalui program peningkatan pengeluaran dan produktiviti melalui pemerkasaan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian, penggunaan teknologi pertanian moden dan sebagainya.

Strategi meningkatkan akses kepada makanan pula akan membawa kepada pembukaan lebih banyak ruang pasaran langsung seperti Pasar Tani. Manakala akses bahan makanan untuk komuniti luar bandar pula akan ditambah baik melalui jualan tani bergerak.

Hasil dan produk tempatan juga akan diberi ruang pasaran yang lebih luas di pasar raya dan institusi awam seperti hospital dan jabatan kerajaan bagi memastikan keluaran pertanian tempatan dapat diakses oleh pengguna.

Di samping itu, pihak kerajaan juga akan sentiasa berusaha untuk menstabilkan harga makanan. Perkara ini akan dilakukan dengan pemantauan harga yang berterusan.

Aspek jaminan keselamatan makanan dan pemakanan juga akan ditingkatkan dengan memberikan penekanan terhadap Amalan Pertanian Baik (GAP), Amalan Pengilangan Baik (GMP), Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP), Sanitari dan Fitosanitari (SPS) dan akreditasi halal.